



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: No : 100-4/10 JLD.4 / (3)

Tarikh : 10 Jun 2019

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.4/2019 PERLAKSANAAN E-BANKING MELALUI ONLINE ALLIANCE BIZSMART (ABB) DI JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH, CAWANGAN KOTA MARUDU.

1. Tujuan

Tujuan Pekeliling ini adalah :

- 1.1 Untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan e-banking semua Pembayaran Am yang dibayar di Jabatan Bendahari Negeri Cawangan Kota Marudu kecuali bagi Baucar Bayaran Elaun MPKK dan Bayaran Gaji Harian serta KWSP yang menggunakan kaedah bayaran *satu (1) baucar ramai penerima*.
- 1.2 Untuk memaklumkan kaedah pembayaran tanpa menggunakan cek melalui pembayaran e-banking / Online Alliance BizSmart.

2. Latarbelakang

- 2.1 Pada masa ini Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) Cawangan Kota Marudu menggunakan cek untuk membuat pembayaran kepada pelanggan. Kaedah ini memerlukan banyak masa dan kos operasi yang tinggi dalam menyediakan cek, menghantar cek kepada penerima dan menyelenggara akaun-akaun yang terlibat. Bagi meningkatkan efisiensi dan keberkesanan dalam mengurus kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri, Cawangan Kota Marudu akan beralih kepada sistem Online Alliance Bizsmart, pembayaran tanpa menggunakan cek.



3. Kaedah bayaran melalui Online Alliance BizSmart

3.1 Kaedah bayaran menggunakan Online Alliance BizSmart diperluas kepada baucar-baucar yang dihantar ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah Cawangan Kota Marudu. Ini bermakna pembayaran kepada pelanggan akan dibuat secara e-banking. Cawangan Kota Marudu akan menghantar data pembayaran yang sudah diluluskan kepada Alliance Bank Bhd (ABB) secara 'online'. Amaun berkenaan akan didebit daripada Akaun Bank JBNS Cawangan Kota Marudu dan seterusnya akan membuat pemindahan kredit kepada akaun bank penerima.

4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal

4.1 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk merekodkan Nama Penerima, Nombor Kad Pengenalan (ruangan Kad Pengenalan di dalam baucar bayaran JBN.38 tidak diisi dengan apa-apa huruf atau perkataan lain), Nombor Akaun Bank (tanpa sengkang) dan Nama Bank mengikut butiran-butiran yang disahkan oleh penerima dalam Borang Pengesahan Akaun Bank apabila menyediakan baucar Bayaran menggunakan Sistem Buku Vot dan Baucar Bersepadu (SISVOT) dan S3P.

4.2 Penerima perlu mengisi Borang Pengesahan Akaun Bank (sila lihat Lampiran C) untuk disertakan pada setiap Baucar Bayaran sebagai dokumen sokongan. Baucar Bayaran yang tidak disertakan dengan borang berkenaan akan dikembalikan kepada jabatan berkenaan.

5. Tarikh Pelaksanaan


Pelaksanaan e-banking Pembayaran Am melalui Online Alliance BizSmart ini berkuatkuasa pada **13 Jun 2019**.

6. Penutup

Sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan mengenai dengan pelaksanaan kaedah pembayaran ini, sila berhubung terus dengan Bendahari Daerah Kota Marudu ditalian 088-661 230 / email : Agyahya.Agdamit@sabah.gov.my atau Akauntan Bahagian Bendahari Daerah dan Kewangan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah di talian 088-368 386 / email : Celorline.Jaikul@sabah.gov.my

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(RUSDIN RĪMAN)
CA(M), FCPA(Aust), CPFA (UK), MBA (ECU)
Bendahari Negeri Sabah



- sk : Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88595 KOTA KINABALU
- sk : Pengarah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Sabah
Tingkat 7, Rumah Persekutuan
KOTA KINABALU
- sk : Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU
- sk : Fail Alliance Bank, JBNS
- sk : Fail Pekeliling, JBNS